

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kalangan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang pendaftarannya masih berkuat kuasa bagi menjalankan perkhidmatan seperti berikut: -

NO. SEBUT HARGA	BUTIRAN TAWARAN	KELAYAKAN	HARGA
PER/PHG/R/2024/26	TAWARAN MENJALANKAN PERNIAGAAN ROTI CANAI DAN BURGER DI GERAI NO.8, KOMPLEKS TOK GAJAH, UiTM CAWANGAN PAHANG KAMPUS JENGA	040102 DAN 040103	RM25.00
PER/PHG/R/2024/27	TAWARAN MENJALANKAN PERNIAGAAN KEDAI SERBANEKA DI KEDAI NO.5, KOMPLEKS TOK GAJAH, UiTM CAWANGAN PAHANG KAMPUS JENGA	020401/020402/020601 /040101/040102	RM25.00

1. Dokumen Meja Sebut Harga akan dipamer pada 11/10/2024 di Kaunter Unit Pengurusan Perolehan, Bahagian Kewangan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Jengka pada waktu pejabat.
2. Lawatan Tapak/Taklimat akan dibuat pada **17/10/2024 (Khamis) Jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat 1, Kompleks Tok Gajah** di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli selepas taklimat dan lawatan tapak dengan menggunakan pembayaran Tanpa Tunai (Kad Debit/Kad Kredit) sahaja.
3. Syarikat dikehendaki membawa bersama-sama **SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **sijil taraf bumiputera (jika ada)** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta menyerahkan satu **SALINAN (fotostat)** sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen sebut harga.
4. Lawatan Tapak/Taklimat merupakan satu syarat **WAJIB** bagi menyertai Sebut Harga. Senarai kehadiran bagi lawatan tapak akan dicatat dan ditandatangani oleh syarikat semasa sesi taklimat dan lawatan di tapak-tapak berkenaan yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti yang tersebut di atas.
5. Hanya **PENAMA** didalam Perakuan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) sahaja yang **BOLEH** menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Penyebut Harga **TIDAK BOLEH MEWAKILKAN** pegawai selain daripada **PENAMA** didalam sijil-sijil yang dinyatakan.
6. Sila kemukakan **Surat Wakil** jika penama didalam sijil berkaitan mewakilkan pembelian dokumen sebut harga kepada pihak ketiga (runner). Sila bawa Kad Pengenalan dan Surat Wakil (jika berkaitan) bagi tujuan pengesahan identiti.
7. Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
8. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **UNIT PENGURUSAN PEROLEHAN, BAHAGIAN KEWANGAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PAHANG KAMPUS JENGA** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas disampul surat berkenaan.
9. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **30/10/2024 Jam 12.00 tengah hari**. Tawaran Sebut Harga yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan**.